



# Buletin Seri

*Kejayaan Mercu Kegigihan*

EDARAN BULANAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI AMPANGAN, SEREMBAN (TERHAD)



Saya amat berbangga dengan pencapaian kurikulum SMKSA setakat ini dan sekalung tahniah diucapkan kepada para pelajar. Walau bagaimanapun, masih ada ruang untuk para pelajar

mempertingkatkan lagi usaha untuk bergiat dengan lebih aktif kerana masih belum terlewat untuk menyertai badan beruniform, persatuan, kelab dan permainan. Penglibatan diri dalam aktiviti ini membolehkan pelajar menjadi lebih berdisiplin, toleransi dan mencungkil bakat kepimpinan. Diharap pelajar akan lebih sensitif dan peka akan kepentingannya yang menyumbang 10% kelayakan untuk memasuki IPTA. Selain itu, ucapan selamat berjaya diucapkan kepada para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Saya berdoaa agar para pelajar belajar bersungguh-sungguh. Bak kata pepatah, sediakan payung sebelum hujan. Saya juga berharap agar para pelajar bersama-sama mengharumkan nama sekolah kerana bukan kuantiti yang kita cari, tetapi kualiti.

AMANAT PENGETUA

GURU MEDIA  
Pn Norizan bt Mohd Kalam

KETUA PENGARANG  
Pn Fatin Azirah Chong

EDITORIAL GURU  
Pn Noraishah Ahmad  
Pn Siti Aishah Kiran bt Abdullah

EDITORIAL PELAJAR  
Mohd Faiz b Zulkefli  
Ilham Hafifi Ishammudin  
Ahmad Abu Huraira Ahmad  
Bryan Chong Theck Foo  
Alice Kau Nia Chi  
Nur Yasmeen bt Abdul Malek

Buletin Seri SMKSA tetap menghargai setiap pandangan dan cadangan daripada pembaca demi mempertingkatkan lagi isi kandungannya. Teruskan mengikut keluaran-keluaran Buletin Seri. Hantarkan pendapat anda kepada Puan Fatin atau email kepada [buletinseri@msn.com](mailto:buletinseri@msn.com).

Volume 3/2007  
Edaran Dalaman Sahaja

"SAVE THE BEST FOR SMKSA"



## Malam Silaturrahim

Malam Silaturrahim anjuran Unit Buletin dan Perpustakaan telah berlangsung dari 21 hb hingga 22 hb Julai bersamaan dengan hari Sabtu

dan Ahad di kawasan sekolah. Malam Silaturrahim ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua ahli PSS. Antara aktiviti yang dijalankan ialah cabutan bertuah, anugerah penghargaan pustakawan, jamuan dan tayangan video aktiviti PSS. Bagi pelajar Islam pula, telah diadakan aktiviti seperti solat jemaah, majlis bacaan Yassin dan Tahlil, Qiamulail dan Kuliah Subuh yang dikendalikan oleh Ustaz Zainal dan Ustaz Mohd Zaini. Melalui aktiviti ini, semangat bekerjasama dapat diterapkan dalam kalangan ahli PSS. - Bryan Chong.



## RIMUP



Pada 7 Julai 2007, SMKSA telah mengadakan Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Antara aktiviti yang dijalankan ialah mencipta tanglung, membuat layang-layang, pertandingan memasak kuih jemput-jemput dan pertandingan tulisan khat. Objektif program ini ialah dapat melahirkan pelajar yang memiliki jati diri yang kukuh, bersikap patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai masyarakat yang penyayang, demokratik dan toleransi. RIMUP merupakan ilham Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang inginkan pembangunan sebuah negara bangsa dan masyarakat bangsa Malaysia yang maju mengikut acuan kita sendiri berlandaskan Wawasan 2020.

- Yasmeen

Malaysiaku Gemilang

Bulan Patriotik tahun 2007 lebih bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia kerana kita telah bebas selama 50 tahun daripada penjajahan dan dapat menentukan sendiri masa depan rakyat dan negara ini. Melalui program ini semangat patriotik sebagai tunjang kekuatan pejuang kemerdekaan negara dapat disemai di kalangan pelajar supaya negara terus kekal menjadi negara yang berdaulat. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan ini ialah kuiz sejarah, pengibaran bendera Jalur Gemilang dan pameran kemerdekaan di perpustakaan. Marilah kita bersama-sama mengekalkan kemerdekaan dan keamanan negara agar dapat turut dirasai oleh generasi akan datang.- Abu Huraira



## Pameran Buku

Satu pameran buku telah diadakan pada 3 hingga 5 Julai 2007 di koperasi sekolah. Pameran itu dianjurkan oleh Pusat Buku Sinaran dengan kerjasama Unit Perpustakaan.

Pameran itu bertujuan untuk mendidik warga sekolah tentang pentingnya membaca selain memberikan potongan harga yang menarik kepada pelajar. Para pelajar dapat mengunjungi pameran tersebut mengikut jadual kelas yang telah ditetapkan. Selain itu ia juga melibatkan beberapa orang pelajar yang secara sukarela membantu menjayakan pameran tersebut. - MOHD FAIZ



## Bengkel PSS

Pada 23 April 2007, PSS telah mengadakan Bengkel Pengurusan, Pengoperasian dan Stok Bahan-Bahan PSS untuk semua pustakawan sekolah. Bengkel ini telah diadakan di perpustakaan sekolah dengan bertujuan untuk memberikan penerangan kepada pustakawan tentang cara-cara membuat pengelasan bahan mengikut Sistem Dewey dan Sistem Barkod yang betul. Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Puan Rohayu dari Pusat Kegiatan Guru Ampangan. — Abu Huraira



## Ceramah Israk dan Mikraj

Pada 10 Ogos 2007 bersamaan 26 Rejab 1428H, satu ceramah mengenai Israk dan Mikraj anjuran Panitia Pendidikan Islam telah diadakan di tapak perhimpunan. Ceramah ini telah disampaikan oleh seorang penceramah bebas, iaitu Ustaz Zakaria bin Talib.

Tujuan program ini diadakan ialah untuk mengingatkan peristiwa penting dalam Islam, iaitu Israk dan Mikraj yang menjadi asas permulaan umat Islam menunaikan solat fardhu lima waktu sehari semalam. - Abu Huraira



## Hari Akademik

Pada 4 Julai 2007, pihak sekolah telah mengadakan Hari Akademik. Program yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan agar ibu bapa mengetahui tingkah laku dan pencapaian akademik anak-anak mereka di sekolah. Melalui program ini, ibu bapa juga dapat berbincang dengan guru mengenai masalah anak-anak mereka. Selain itu, pencapaian para pelajar dalam bidang akademik juga dapat ditingkatkan. Walaupun program ini mendapat sambutan yang meriah pada hari tersebut, tetapi masih kurang mendapat sambutan daripada ibu bapa pelajar tingkatan 6 dan pelajar kelas lemah. Oleh itu, pihak sekolah berharap penglibatan ibu bapa dalam program ini dapat ditingkatkan pada masa akan datang. - Alice Kau



## Cetusan Minda

Sebenarnya dalam kehidupan seharian, berlaku pergeseran dan perselisihan faham yang boleh menimbulkan kemarahan dan sakit hati. Selagi dinamakan manusia, kerana selain akal manusia juga mempunyai nafsu. Tetapi yang menjadi persoalannya, sampai bila perasaan marah, sakit hati dan dendam itu akan dibiarkan menguasai diri? Mungkin ramai yang tidak sedar perasaan negatif begini banyak dipengaruhi oleh hasutan syaitan dan Iblis. Jika ianya tidak dihindari segera ia boleh memudaratkan kesihatan seseorang. Sesungguhnya tidak ada ubat atau jalan untuk menguasainya selain daripada kemaafan seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud "*...dan hendaklah mereka memaafkan dan berlapang dada. Apakah kamu tidak suka bahawa Allah mengampunimu? Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*" (An – Nur, 24:22 ). Buangkan segala sifat-sifat *mazmumah* yang tidak baik dalam diri.



orang guru iaitu Pn. Norizan Kalam, Pn. Fatin dan Pn. Fadzlon. Dengan adanya lawatan sebegini, semua ahli PSS serba sedikit dapat mengetahui tentang perpustakaan sekolah tersebut dan kaedah pengoperasiannya yang sistematik. - MOHD FAIZ

## Minggu Hidup Sihat Tanpa Dadah

Program Minggu Hidup Sihat Tanpa Dadah telah dijalankan pada 25 hingga 28 Jun 2007 anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling. Program yang telah dirasmikan oleh Tuan Pengetua, Datin Hj. Rohayah bertujuan agar pelajar mengamalkan gaya hidup sihat tanpa dadah serta membina pemikiran Benci Najis Dadah.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pertandingan menulis esei, melukis poster, deklamasi sajak, sketsa serta pidato, ceramah tentang penyalahgunaan dadah serta pameran daripada agensi-agensi yang terlibat.

Program seumpama ini mampu menggerakkan minda para pelajar untuk menjauhi fenomena penyalahgunaan dadah serta membanterasnya hingga ke akar umbi. - Ilham Hafifi

## Lawatan ke KGV

Satu lawatan sambil belajar ke perpustakaan Sekolah Menengah King George V (KGV) diadakan pada 24 April 2007. Sekolah tersebut telah dinobatkan sebagai johan untuk pertandingan Pusat Sumber Sekolah (PSS) Peringkat Kebangsaan. Sejurus tibanya di sana, satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh salah seorang guru perpustakaan di sekolah tersebut sebelum dibawa melawat sekitar PSS KGV. Lawatan tersebut disertai oleh 40 orang ahli PSS dan diiringi oleh 3

orang guru iaitu Pn. Norizan Kalam, Pn. Fatin dan Pn. Fadzlon. Dengan adanya lawatan sebegini, semua ahli PSS serba sedikit dapat mengetahui tentang perpustakaan sekolah tersebut dan kaedah pengoperasiannya yang sistematik. - MOHD FAIZ



## Excellence Awards Day



- a child could not achieve his full potential unless he had faith & confidence...

The Excellence Awards of SMKSA was held successfully from the 13<sup>th</sup> till the 17<sup>th</sup> of August. This Award is given out to students to certify students achievement in academic. The opening ceremony was done by Tuan Haji A. Bashir Ridha bin Haji Ismail from PPD.

As much as 94 different awards were given to students including, academic curricular activities, discipline and leadership qualities. Through this award, students will be more compelled to excel further in academics and also learn to appreciate the conducive environment that is being provided by the Ministry of Education. — Bryan

## Photography Workshop

A photography workshop was held on the 12<sup>th</sup> July at the Dewan Kuliah, SMK Seri Ampangan. Mr. Hong Chee Kin from Focus Light was invited to give a talk on the various uses of the digital camera. He was especially invited to facilitate this workshop as he has more than 10 years of experience in photography. This workshop is aimed at shedding more light on the use of the digital camera to school going students. Through this workshop, students were given more information on how to pick the right camera, use the right lenses and how to apply special effects on the photos taken. This workshop was attended by 94 students.

— Kau Nia Chi



## School Co-operative Day

Thursday, 21<sup>st</sup> July:- "Co-op" Day was held on the school co-operation that day. The main purpose of this programme is to help all students of SMKSA to get to know our school Co-operation better.

Besides that, this programme was also held to educate students on the role of co-operative in their life and to expose them to the history of ANGKASA. Various activities were held on that day. Among them were the planting of trees, quizzes and an exhibition about our school Co-operation.

Along with it, there were also exhibitions on environment by the government agencies such as PERHILITAN and Department of Forestry that were held at the school Co-operation base. — Abu Huraira


**T. MAHENDRAN**  
*Front Office Manager*  
**ALLISON KLARA HOTEL**  
 PUTRA NEJAL SELATAN  
**PK Hotels & Leisure Sdn Bhd (219944-P)**  
 PT 7182, Jalan BBN 1/2E  
 Putra Nilai  
 71800 Nilai  
 Negeri Sembilan, Malaysia.  
 Tel : (606) 799 8888 Fax : (606) 799 8999  
 E-mail: mahendran@allisonklara.com.my Website: http://www.allisonklara.com.my  
 A Member of PK Resources Group (17654P)



**EDDY YONG**  
 017-6763633  
 No. 52G, Jalan Komersil,  
 Senawang 7, 70450  
 Senawang, Negeri  
 Sembilan Darul Khusus.  
**LEADS TAILOR**


 No 36, Jln Bunga Raya 7, Senawang Business Centre,  
 70400 Seremban, N. Sembilan.  
**EN. ZOLKEFLE MD MAZID**  
 H/P : 019 - 649 3927  
 OFF : 06 - 677 8054  
 FAX : 06 - 678 4892  
 specialized in : design, inkjet printing, bunting,  
 banner, billboard, poster, routing n engraving service,  
 custom made internal n external signage,  
 modular sign system, n cutting sticker.


**优势家电**  
**RIGHTSTYLE TRADING**  
 LOT 2004, 2805, 2806, 2007 & 2008,  
 JALAN TUANKU ANTAH,  
 70100 SEREMBAN, N.S.D.K., MALAYSIA.  
 TEL : +6.06.7624290  
 FAX : +6.06.7624281  
 URL : WWW.RIGHTSTYLE.COM  
 E-MAIL : RIGHTSTYLE@GRAHANG.COM


**Zen Buku PS**  
 龙城文具书铺

**FIKRAH PS SDN BHD**  
 3809, Jalan SJ 8/2, Taman Seremban  
 Jaya 70450 Seremban N Sembilan  
 Tel: 06-6788368 Fax: 06-6781288  
**DENNIS CHAI: 012-6393019**  
 Specialized For:  
 School Text Book, Reference Book,  
 Workbooks, Test Paper, Exercise Book,  
 Printing, Stationery and etc.



## PSS TERJAH ke TV3



Pada 7 Jun 2007, seramai 44 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tingkatan 5 dan 6 atas serta 3 orang guru pengiring telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Sri Pentas TV3. Ketibaan kami di sana telah disambut oleh kakitangan TV3 yang iaitu En. Saufan dan Cik Mellisa dari Bahagian Korporat.

Seterusnya, kami telah dibawa melawat ke beberapa studio seperti studio A dan B iaitu News Station atau dikenali sebagai set pembaca berita untuk TV3 dan TV9, set Wanita Hari Ini, set Gangstarz, set Al-Kulliyah serta set Malaysia Hari Ini. Ketika berada di set-set tersebut, kami telah diberi penerangan tentang industri penyiaran serta tugas-tugas dalam bidang pengacaraan dan kewartawanan.

Dengan adanya lawatan ini, kami telah mendapat sedikit sebanyak pengetahuan tentang industri penyiaran tempatan serta industri kewartawanan negara. Pengalaman manis ini akan tetap segar di sanubari kami. — **Ilham**

## Lawak Corner

Cikgu Borhan masuk ke kelas 5 Bestari seperti biasa.

Cikgu : Murid-murid, hari ini kita akan menulis karangan bertajuk "Cita-Cita Saya". Sebelum itu, saya ingin mengetahui cita-cita kalian. Cuba kamu beritahu cita-cita kamu kepada saya seorang demi seorang.

Siti : Saya ingin jadi doktor, cikgu. Doktor dapat merawat dan selamatkan ramai orang.

Abu : Saya mahu jadi peguam, cikgu!! Jadi peguam dapat menegakkan keadilan dan untung banyak wang, cikgu!

Cikgu : Leman, bagaimana pula dengan kamu?

Leman: Saya nak jadi tukang sapu sampah, cikgu.

Cikgu Borhan berasa hairan lalu bertanya..

Cikgu : Mengapa pula??

Leman: Kalau tak ada orang jadi tukang sapu sampah, rumah doktor, peguam kotorlah, cikgu!!

## Hari Tanpa Uniform

Pada 6 Julai pihak sekolah telah mengadakan Hari Tanpa Uniform. Pada hari tersebut para pelajar dikecualikan dari memakai uniform sekolah. Tujuan



program tersebut ialah dapat memberi pendedahan kepada pelajar untuk merasai persekitaran sekolah tanpa uniform dan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertunjukan fesyen tradisional yang terbahagi kepada dua kategori iaitu individu dan berpasangan.

Semangat muhibah juga dipaparkan oleh pelajar apabila ramai pelajar bangsa Cina yang memakai baju kurung dan pakaian Punjabi. - Yasmeen

## Malam Kesenian dan Kebudayaan

Pada 28 Julai 2007, pihak sekolah telah mengadakan Konsert Malam Kesenian dan Kebudayaan. Majlis ini telah diadakan di Dewan SM Teknik Tuanku Ja'afar dan mendapat sambutan ramai. Majlis tersebut telah berlangsung selama 2 jam bermula pada pukul 8 malam. Antara persembahan yang dipersembahkan ialah tarian daripada kaum Melayu, Cina, dan India, nyanyian dalam pelbagai jenis bahasa dan lakonan drama dari Panitia Bahasa Inggeris dan artis undangan iaitu Eliza (AF 3). Tujuan pihak sekolah menganjurkan program tersebut ialah untuk mengumpul dana agar pembangunan sekolah dapat ditingkatkan lagi. Pihak sekolah ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah berganding bahu untuk menjayakan program tersebut. — Yasmeen

